

# Sorok gula untuk seludup

S.H 7/09/09 MIS/4

## KPDNKK Perlis sita 23.8 tan metrik gula bersubsidi bernilai RM32,000

IZLIZAN OTHMAN

KANGAR – Sebanyak 23.8 tan metrik gula bersubsidi yang disorok dalam sebuah gudang di Jejawi dekat sini disita oleh sepasukan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) kelmarin.

Timbalan Pengarah KPDNKK cawangan Perlis, Abdul Halim Pakri berkata, gula bernilai RM32,000 itu disita pada jam 5 petang kelmarin selepas pasukan itu melakukan serbuan ke premis yang terletak dalam kawasan perindustrian ringan Jejawi.

Menurutnya, bekalan gula tersebut cuba disembunyikan oleh pemilik gudang untuk tujuan simpanan bagi menanti masa yang sesuai dipasarkan.

"Kita percaya stok yang disimpan ini menyamai separuh daripada keperluan gula penduduk negeri ini dalam sehari berdasarkan keperluan sebenar bahan itu di antara 50

hingga 60 tan metrik," katanya ketika ditemui Sinar Harian.

Abdul Halim tidak menolak kemungkinan pemilik gudang mempunyai motif tersendiri termasuk untuk tujuan seludup ke negara jiran memandangkan pengumpulan stok gula melibatkan jumlah yang banyak.


"Kita mendapati gudang tersebut tidak mempunyai kebenaran untuk menyimpan stok gula berkenaan, apatah lagi dalam jumlah yang begitu banyak terutama dengan keadaan bekalan yang terhad kini.

"Sebilangan kecil daripada simpanan sudah diagihkan manakala selebihnya masih disimpan di gudang untuk tujuan tertentu," katanya.

Abdul Halim berkata, kesemua stok kini disita untuk tindakan lanjut mengikut Akta Kawalan Dagangan 1961.

Sementara itu, Pengarah KPDNKK negeri, Mohd A Aruwan Ab Aziz berkata, empat punca utama kekurangan bekalan gula di Perlis digariskan

**simpan  
seludup**



● Abdul Halim (dua, kiri) bersama anggota penguat kuasa KPDNKK ketika memeriksa sebahagian gula yang disorok dalam gudang di Jejawi.

oleh pihaknya termasuklah aktiviti penyeludupan.

Faktor peningkatan jualan gula yang mencecah 12 peratus bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini di seluruh negara juga turut mendorong kekurangan bekalan.

"Dua lagi punca membabitkan spekulasi kekurangan bekalan dan peningkatan harga gula yang mencecah pembelian stok melebihi ke-

perluan oleh pengguna serta peranan industri yang membeli gula dalam jumlah yang banyak bagi mengelak operasi terbantut.

"Kita sedang mengorak langkah mendedarkan bekalan dengan cara lebih sistematik supaya bekalan akan sampai kepada pengguna, seterusnya menyelesaikan isu berkaitan gula ini selwat-lewatnya dalam tempoh seminggu," katanya.